

“MENYANGGA AGENDA PERUBAHAN DAN INOVASI”

To Buttress The Transformation And Innovation Agenda

<p>Bismillahir-Rahmanir-Rahim</p> <p>ملاسلما مكيلةءهتاكربو الله اةمحررو</p> <p>Para Tetamu Kehormat, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pegawai-pegawai Utama Universiti, Profesor-profesor, Dekan-dekan, Ketua-ketua Jabatan, Para Pensyarah, Staf-staf Pengurusan dan Pentadbiran, dan Mahasiswa UniMAP yang dihormati dan dikasihi sekalian.</p> <p style="text-align: center;">Mukaddimah</p> <p>Pada pagi ini terlebih dahulu saya memilih untuk membaca sepotong ayat al-Quran untuk renungan kita bersama sebelum kita dibawa lebih jauh oleh arus masa. Dalam surah al-‘Araf ayat ke-179, Allah berfirman (mafhumnya):</p> <p style="padding-left: 40px;">Dengan nama Allah yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang</p> <p style="padding-left: 40px;">“Dan sungguh, akan Kami isi neraka jahanam banyak daripada kalangan jin dan manusia. Mereka memiliki mata hati, (tetapi) tidak mengerti dengan hatinya; mereka ada mata, (tetapi) tidak melihat dengan matanya; dan mereka ada telinga, (tetapi) tidak mendengar dengan telinganya. Mereka seperti binatang ternak bahkan mereka lebih sesat. Mereka itulah orang yang lalai.”</p> <p>Sehubungan dengan ayat yang dibaca sebentar tadi, Ahmad Ibrahim Abu Sin menulis:</p> <p style="padding-left: 40px;">“Jika seseorang itu berfikir hanya setakat wujud alam, ia tidak memberikan apa-apa kesan, jika ada sekalipun ia hanyalah bertaraf kebendaan. Sebaliknya apa yang dikehendaki oleh al-Quran ialah supaya manusia itu berfikir mengenai hikmat-hikmat kejadian Allah, kemudian menghubungkannya dengan kebesaran Pencipta, sehingga lahir dalam jiwa seseorang rasa</p>	<p>Introduction</p> <p>Holy Quran surah al-‘Araf verse 179</p> <p>Many are the Jinns and men we have made for Hell: They have hearts wherewith they understand not, eyes wherewith they see not, and ears wherewith they hear not. They are like cattle,- nay more misguided: for they are heedless (of warning).</p>
--	---

<p>bersyukur dan tidak sekali-kali menentang atau ingkar. Mereka yang mempunyai fikiran pendek memikir dan merenung alam semata-mata untuk memahami alam, bertujuan untuk mendapatkan kemudahan peribadi dengan mengaut segala peluang yang ada, [mereka ialah manusia yang] lupa kepada tujuan sebenar alam ini dijadikan. Al-Quran menggambarkan orang-orang seumpama itu laksana binatang ternakan bahkan lebih sesat lagi.”</p>	
<p>Sebelum detik-detik masa membawa kita lebih jauh memikirkan kaitan ayat Allah yang dibaca dengan diri dan tindakan kita, marilah kita segera mensyukuri segala nikmat yang Allah pinjamkan kepada kita. Marilah kita segera mensyukuri nikmat roh (jiwa, akal dan nafsu) yang memungkinkan kita hidup, memahami dan merasai; mensyukuri nikmat mata yang memungkinkan kita melihat; dan mensyukuri nikmat telinga yang memungkinkan kita dapat mendengar. Inilah antara potensi-potensi yang dibekalkan oleh Yang Maha Adil kepada seluruh umat manusia yang diciptakan-Nya. Inilah pintu dan jendela ilmu yang sewajarnya dijadikan alat untuk manusia memahami sifat-sifat alam nyata dan alam ghaib.</p> <p>Selawat dan salam untuk junjungan besar kita Nabi Muhammad (s.a.w), anggota keluarga, para sahabat dan seluruh umat baginda. Hanya dengan bimbingan dan panduan sunnah Rasulullah (s.a.w) kita dapat mencuci yang cemar, menjernihkan yang keruh dan membetulkan yang salah. Marilah kita bersama-sama bertekad memperbaiki kualiti diri dari sehari ke sehari supaya kita, apabila sampai masanya, dengan mudah digolongkan oleh Yang Maha Berkuasa ke dalam golongan umat Rasul-Nya di dalam syurga yang tiada tara nilai harganya.</p>	<p>Praise to Allah that he has granted us the ability to see and hear</p>
<p>Dalam Majlis Ucaptama Tahunan Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis ini, seperti yang pernah saya ucapkan dalam tahun sebelum ini, bahawa saya, mewakili pihak pengurusan UniMAP, berhasrat menyalurkan hasrat dan cita-cita, pandangan dan teguran kepada diri saya dan seluruh warga UniMAP; staf yang saya hormati dan mahasiswa yang saya kasihi. Pada hari ini saya mahu mengulangi kata-kata saya dalam Majlis yang sama pada tahun lalu bahawa medan ini ialah medan bagi saya dan rakan-rakan Pengurusan Utama meletakkan harapan agar setiap kata dan bicara dapat dijadikan asas untuk kita bermuhasabah; tunduk merenung dan mengkritik diri, beriltizam membetulkan setiap gerak yang silap dan salah, mensyukuri setiap langkah kejayaan, dan positif memandang setiap detik yang bakal dilalui pada masa hadapan. Upacara ini tidak bertujuan ‘menyanyikan lagu-lagu lama’ atau ‘lagu-lagu retro’, namun ada tempatnya berkemungkinan bersifat khutbah. Jika khutbah yang dipersepsi semua, maka wajarlah upacara ini dilangsungkan kerana khutbah memang disyariatkan dalam agama. Bezanya khutbah Jumaat</p>	<p>This annual Vice Chancellor keynote address is the basis for our introspection</p>

<p>setiap minggu dilaksana dan wajib didengari dan dihayati, sementara khutbah ini hanya dikumandangkan setahun sekali, dan pada saya harus dihalusi dan dihayati.</p> <p>Lantaran, menggunung harapan saya agar saudara-saudara dapat menjadikan upacara ucaptama ini sebagai ritual yang bermakna. Ritual yang berusaha memberikan gambaran tentang tuntutan dan kendala semasa, hala tuju tercita, dan matlamat bersama. Melaut impian saya agar ritual ini dapat dijadikan landasan untuk kita merobah kebiasaan minda selesa, tingkah bicara biasa, dan tindakan-tindakan yang tenggelam punca. Marilah kita memanfaatkan masa yang dikurniakan Allah ini untuk memperbaharui tekad, semangat, dan sikap agar dapat memenuhi tuntutan agama, bangsa dan negara seluruhnya. Saya berdoa agar Allah membuka pintu hati kita seluas-luasnya dan menguak jendela minda kita selebar-lebarnya supaya akhirnya kita berupaya meraut dan mengukir wajah UniMAP mengikut cara dan gaya yang kita sepakati bersama. Saya amat mendambakan agar saudara-saudara mencuba memahami setiap konsep yang cuba dikupas di sini; menghayati setiap makna yang cuba dikongsi oleh hati nurani; dan bertekad menerjemah setiap seruan dan harapan menjadi tindakan yang mengujakan. Namun demikian:</p> <p style="padding-left: 40px;">Mangkuk jorong pinggan jorong, Si jorong berisi buah jati, Dua tiga kata terdorong, Jangan dibawa masuk ke dalam hati.</p>	<p>Make this address a meaningful ritual to stimulate changes in our set behaviour.</p> <p>Please try to understand the concepts being discussed and turn them into actions for reform</p>
<p>Dalam detik-detik kehidupan yang semakin deras dan pantas bergegas, setelah tiga belas purnama lima hari berlangsungnya upacara ini tahun lalu, banyak berita gembira yang kita nikmati; tidak kurang juga peristiwa sedih yang menyelubungi warga UniMAP yang disayangi. Justerulah, dalam kesempatan yang ada ini, dengan rasa keinsafan yang mendalam, marilah kita bersama-sama menghulurkan sedekah al-Fatihah khususnya kepada kedua-dua ibu bapa kita, suami/isteri dan anak-anak, sanak-saudara dan kaum kerabat, para sahabat, saudara-saudara seislam, sama ada yang masih hidup atau yang telah meninggalkan kita, walau di mana jua mereka berada. Pada tahun ini, meskipun tidak pernah kita duga, marilah kita titipkan al-Fatihah buat sahabat-sahabat kita Allahyarham Mohd. Shuid Haji Salleh dan Halim Abd. Hamid, anak-anak didik kita Nurfaizlin Abu Hassan, dan Muhammad Syafiq Izzuddin.</p> <p style="text-align: center;">Al-Fatihah.</p> <p>Dan marilah kita bertafakur sedetik untuk mendiang rakan kita Phang Keng Chew dan anak-anak didik kita Edgar Emerald Frederick dan Calvin Kabincong.</p> <p>Dalam kesuraman rasa yang cuba dibendung ini, saya</p>	<p>Al-Fatihah to our colleagues Mohd. Shuid Haji Salleh and Halim Abd. Hamid and our students Nurfaizlin Abu hassan and Muhammad Syafiq Izzudin</p> <p>We grief the lost of Mr. Phang Keng Chew and Edgr Emerald Frederick and Calvin Kabincong</p>

<p>bagi pihak UniMAP merakamkan ucapan takziah kepada seluruh anggota keluarga Allahyarham dan mendiang. Sesungguhnya rakan-rakan kita yang telah menemui Allah itu telah banyak mencurahkan idea, dan berkorban tenaga dan masa untuk bersama-sama memastikan UniMAP berdiri gagah dan megah demi mengisi misi yang menjadi sebab kewujudannya.</p>	<p>On behalf of UniMAP, I convey our heartfelt condolences to their families</p>
<p>Hati saya turut berasa suram juga pada tahun lalu kerana 'terpaksa' mengabulkan hajat Yang Berusaha Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff yang mahu melepaskan jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Sudah pastinya saya terendam dalam kesuraman rasa beberapa ketika kerana Prof. Dr. Ali Yeon merupakan rakan seperjuangan yang meletakkan asas penubuhan UniMAP melalui kertas cadangan penubuhan yang dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan pada ketika itu. Tahun 2009 menyaksikan juga 'keterpaksaan' Puan Hajjah Foyziah Ahmad Nasuruddin mengosongkan kerusi Ketua Pustakawan meskipun beliau masih berkudrat muda. Namun, demi umur yang mewajibkan beliau bersara, maka tinggallah kita untuk meneruskan usaha melaksana misi dan menggandakan tenaga untuk merealisasikan visi UniMAP. Kedua-dua tokoh inilah, termasuk yang tidak dilupai Tuan Haji Ayob Ismail, mantan Bendahari yang masih lekat pada hati dan sanubari, yang berkongsi selipat sirih, sekacip pinang dan secalit kapur; bersama-sama memamah dan menelan segala pahit, pedar, pedas dan manis rasa membangunkan UniMAP daripada tiada sehingga menjadi universiti yang pada perkiraan saya mula disegani dan kandang kala dicemburui. Prof. Dr. Ali Yeon, Tuan Haji Ayob dan Puan Foyziah, terimalah ucapan terima kasih yang tidak terhingga daripada kami semua kerana jasa dan budi yang ditaburkan demi membajai entiti yang bernama UniMAP ini.</p>	<p>I was also deeply upset last year as I was forced to fulfill the wishes of the honorable Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff to step down from the position as UniMAP's Deputy Vice Chancellor (Academic and Internalization). Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff was in the early establishment of UniMAP way back in 2002. The year 2009 also witnessed the retirement of Puan Hajjah Foyziah Ahmad from the position of Head Librarian. I bid a big thank you to the both of them and also to our former Treasurer, Tuan Haji Ayob Ismail for their commitment and endless dedication to UniMAP.</p>
<p>Namun, telah menjadi resam alam, yang patah sudah tumbuh kembali. Kita telah mendapat pengganti. Kita mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berusaha Prof. Dr. Sazali Yaacob selaku Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Puan Saodah Hassan (Bendahari), dan Puan Mazmin Mat Akhir selaku Pemangku Ketua Pustakawan yang baru. Ketiga-tiga rakan kita ini bukanlah staf baru, tetapi menjawat jawatan baru yang lebih mencabar. Saya amat berharap agar ketiga-tiga anggota pengurusan utama ini dapat memainkan peranan dengan lebih cemerlangnya berasaskan penghayatan semangat asal penubuhan UniMAP. Sesuai dengan umur, kebijaksanaan dan keupayaan masing-masing, saya percaya ketiga-tiga rakan kita ini berupaya menerjemah semangat asal penubuhan UniMAP dalam bentuk keputusan dan tindakan yang lebih progresif untuk melonjakkan nama UniMAP di persada antarabangsa.</p>	<p>Fortunately, we have our successors. UniMAP conveys well wishes and congratulations to the honorable Prof. Dr. Sazali Yaacob as the newly appointed Deputy Vice Chancellor (Academic and Internalization), Puan Saodah Hassan (Treasurer) and Puan Mazmin Mat Akhir (the acting Head Librarian).</p> <p>It is my hope that the three of them will carry out their duties and responsibilities bestowed upon them</p>

efficiently.

Dasawarsa Baru, Cabaran Baru?

Saudara-saudara rakan sekerja dan mahasiswa yang disayangi.

Selamat tiba ke dasawarsa/dekad baru 2010-2019. Hari ini genaplah umur UniMAP lapan tahun lapan hari. Dalam jangka masa ini bermakna sudah sekitar 384 minggu UniMAP menghirup udara segar negeri Perlis yang mempesonakan. Dalam kepantasan waktu yang mendetik, hari ini merupakan hari yang ke-2,696 UniMAP melaksana tugas hakikinya sebagai institusi pengajian tinggi (menyebarkan dan berkongsi ilmu, dan melaksana penyelidikan demi perkembangan ilmu). Dalam masa lapan tahun lapan hari ini apa yang kita ada dan apa yang telah kita lakukan. Mari kita bandingkan UniMAP pada 2002 dengan UniMAP pada hari ini (sila rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Perbandingan Status UniMAP pada 2002 dengan 2010 dan Peratus Perkembangannya Berdasarkan Beberapa Penunjuk

Growth Indicators	Status	
	2002	2010
Number of staff	151	1568
Number of Students	119	5050
Number of Programmes	2	41
Number of Buildings	1	50
Number of Building Locations	1	38
Financial Allocation	RM17,957,300	RM146,454,500

Berdasarkan jadual yang dipaparkan ternyata bahawa kesemua penunjuk perkembangan yang disenaraikan telah berkembang lebih daripada 90 peratus iaitu bilangan staf berkembang sebanyak 90.37%, bilangan mahasiswa (97.60%), Bilangan program pengajian (diploma, prasiswazah dan pascasiswazah) (95.12%), bilangan bangunan (98.00%), bilangan lokasi bangunan (97.37%), dan hanya peruntukan kewangan yang berkembang di bawah 90 peratus iaitu pada tahap 87.74 peratus sahaja.

New Decade, New Challenges

Today UniMAP reaches 8 years and 8 days old. In other words equivalent to 384 weeks or 2,696 days UniMAP has served its role as one of the leading institutions of higher learning in Malaysia.

Table 1 compares UniMAP way back in 2002 and UniMAP today (2010). As depicted in Table 1, there is a 90% increase in staff, student enrollment, number of degree and diploma programmes offered, increase in infrastructure and number of buildings. However, the financial allocation was slightly below 90%. To be exact only 87.74%.

<p>Di samping mengajarkan ilmu dan mencuba mendidik anak bangsa, UniMAP turut membantu pertumbuhan aktiviti ekonomi negeri Perlis. Tidak termasuk kos pembinaan kampus tetap di Ulu Pauh, sejak ditubuhkan hingga 2009 UniMAP menerima peruntukan belanja mengurus dan belanja pembangunan sebanyak RM780,408,400. Secara purata sekitar 35% daripada peruntukan itu digunakan untuk membayar emolumen yang bernilai sekitar RM273,142,940.00. Jika setiap staf UniMAP membelanjakan 10% daripada pendapatan mereka untuk membayar sewa rumah, maka tuan-tuan rumah di negeri Perlis mendapat manfaat yang bernilai RM27,314,294.00 dalam jangka masa sembilan tahun. Jika setiap staf UniMAP membelanjakan 15% untuk belanja dapur dan membeli makanan, maka pekedai runcit dan pengusaha gerai makanan memperoleh RM40,971,441.00. Jika setiap staf UniMAP yang berkereta membelanjakan RM150 sebulan untuk membeli petrol, maka pengusaha stesen minyak berupaya meraih sekitar RM150,000.00 sebulan. Jika ada sepuluh buah stesen minyak di sekitar bandar Kangar, (dengan andaian semua staf UniMAP membeli petrol di bandar Kangar) maknanya setiap pengusaha stesen minyak secara purata memperoleh hasil jualan RM15,000.00 sebulan daripada staf UniMAP sahaja.</p> <p>Di samping itu, kewujudan UniMAP pastinya turut memberikan manfaat kepada pemaju perumahan dan para pengusaha tadika dan taska. Jika terdapat 300 orang (sekitar 20%) daripada staf UniMAP yang membeli rumah pada harga purata RM150,000.00 sebuah di sekitar negeri Perlis, maka para pemaju perumahan memperoleh nilai jualan sebanyak RM45juta. Saya dimaklumi juga bahawa ada staf yang perlu membayar sekitar RM450 untuk perbelanjaan tadika/taska bagi seorang anak. Ringkasnya, begitulah manfaat langsung yang dapat dinikmati oleh rakyat negeri Perlis dengan wujudnya UniMAP selama ini. Jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan UniMAP untuk harta modal, bangunan dan pembaikan bangunan, kemudahan dan pembaikan kemudahan, dan kenderaan dan jentera yang bernilai RM212,959,253.90 yang diraih oleh para pembekal dan kontraktor yang majoritinya dari negeri Perlis. Jumlah ini belum lagi mengambil kira perbelanjaan yang dikeluarkan oleh setiap mahasiswa yang turut berbelanja, khususnya untuk membeli makanan. Jika seorang mahasiswa membelanjakan RM300 sebulan untuk membeli makanan, maknanya para pengusaha makanan di sekitar Kampung Wai, Seberang Ramai, Wang Ulu dan bandar Kangar memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM1.5 juta sebulan atau sekitar RM18 juta setahun. Begitulah serba sedikit gambaran tentang manfaat kewujudan sebuah institusi pengajian tinggi yang bersaiz sederhana seperti UniMAP kepada masyarakat setempat. Namun demikian, pastinya manfaat yang sebesar itu dibayangi oleh kos melepas dalam pelbagai bentuk dan sifat yang perlu kita tanggung dan/atau ditanggung oleh masyarakat jika kita mahu akan atau menuntut pembangunan.</p> <p>Namun, sebagai institusi pendidikan dan penyebar ilmu pengetahuan kita sewajarnya secara sedar memilih konsep</p>	<p>Besides offering and providing education to the nations, UniMAP has significantly contributed to accelerating economic growth of Perlis.</p> <p>Residents of Perlis gain more benefits from the establishment of UniMAP</p>
---	--

<p>pembangunan lestari yang holistik. Menurut Brundtland Commission pembangunan lestari ialah pembangunan yang <i>"meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own need"</i> sama ada daripada segi persekitaran, ekonomi, politik, budaya dan sebagainya. Maknanya dalam usaha kita membantu membangunkan ekonomi negara, kita tidak sewajarnya dalam masa yang sama meruntuhkan aspek-aspek lain yang membina sesebuah negara. Dalam konteks kita, apabila kita mencuba membangunkan potensi akal anak-anak didik yang dipertanggungjawabkan kepada kita, maka kita tidak boleh memandang mudah aspek jiwa, rohani dan akhlak mereka. Kita tidak sewajarnya memandang remeh aspek pembangunan jasmani dan sosial mereka. Kita tidak mahu apabila anak-anak didik kita menjadi jurutera atau ahli perniagaan berjaya kelak, tetapi dalam masa yang sama mereka jugalah yang menjadi punca runtuhnya sistem ekologi tamadun tinggi bangsa dan negara dalam semua aspek yang membinanya.</p> <p>Dalam masa yang sama, pada hari ini, semua mahasiswa yang turut diundang menghadiri majlis ini semoga dapat memahami letak kedudukan semasa UniMAP di persada nasional; agar mahasiswa dapat melihat dengan mata hati hasrat semasa UniMAP supaya dapat bersama-sama memikirkan cara dan bertindak untuk mencapainya; agar mahasiswa dapat menghayati hala tuju UniMAP pada masa akan datang yang sewajarnya menjadi landasan tindakan bersama untuk menjadikan nama UniMAP lebih harum semerbak di dalam dan di luar negara. Fahamilah bahawa kewujudan UniMAP bukan sekadar dijadikan tempat untuk menimba ilmu pengetahuan semata-mata, tetapi turut berfungsi sebagai pembina dan pembangun hati nurani bangsa. Mahasiswa sewajarnya tidak bermegah hanya dengan CGPA tinggi yang diperolehi, tetapi perlu memanfaatkan ilmu yang dikongsi oleh para pensyarah dan pentadbir untuk memperkukuh nilai keimanan dan</p>	<p>We have to employ a holistic sustainable development approach that meets the needs of the present changes without compromising the ability of future generations to meet their own need.</p> <p>All undergraduates must realise UniMAP's national position.</p>
<p>Lantaran segala teguran dan nasihat yang disampaikan oleh para pensyarah dan pentadbir, yang kadang kala terjelma dalam sifatnya yang ditafsiri sebagai 'marah-marah' hendaklah diterima sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Saudara-saudara perlu sedar bahawa nada yang kadang kala bersifat 'marah-marah' itu pada hakikatnya bertujuan mahu menjadikan saudara-saudara sebagai insan yang mempunyai nilai-nilai 'kamil' yang dituntut</p>	<p>UniMAP's mission is not only to produce an engineer or a successful entrepreneur but to produce a holistic</p>

oleh agama. Sedarlah bahawa UniMAP tidak wujud semata-mata untuk melahirkan tenaga kerja untuk membangunkan negara, tetapi bertanggungjawab melahirkan insan kamil yang akhirnya berupaya membangunkan negara dan mempertahankan kedaulatannya dalam usaha meneruskan perjuangan bangsa membina suatu tamadun tinggi yang diredhai Allah. UniMAP tidak diwujudkan untuk melahirkan jurutera, ahli perniagaan dan usahawan yang berupaya menjadi pemain utama dalam pembangunan tamadun bangsa dan negara, tetapi dalam masa yang sama jurutera, ahli perniagaan dan usahawan itu jugalah yang turut merobek-robek sistem nilai mulia dan murni yang dikendong ilmu. Apalah guna dan maknanya sifat fizikal negara terbangun megah dan mewah; dan apalah manfaatnya ekonomi negara tumbuh bercambah, tetapi sistem nilai bangsanya musnah bernanah oleh sifat serakah nafsu mazmumah yang tidak terbandung oleh kesucian ilmu yang disuguh.

Inilah makna peringatan Abdullah Ahmad Badawi (kini Yang Amat Berbahagia Tun) pada 9 Mei 2003 dalam "Kucari Damai Abadi":

Kucari bukan harta bertimbun-timbun, untuk hidup kaya.
Aku cari bukan wang berjuta-juta, untuk hidup bergaya.
Aku cari bukan kawan-kawan, untuk hidup sekadar berfoya-foya.
Aku cari mana dia al-Ghazali.
Aku cari mana dia as-Shafi'i.

Oleh sebab itu, terlanjur kita mensyukuri nikmat berupaya bernafas dan menghirup udara dasawarsa baru ini untuk bersama-sama menjayakan hasrat wawasan 2020, marilah kita bersama-sama memadukan kekuatan fikiran dan tenaga yang dibekalkan untuk merealisasikan cita-cita yang mahu menjadikan Malaysia sebagai negara maju. Konsep maju yang kita dambakan, diulangkan sekali lagi, tentunya bukan kemajuan yang terkehadapan daripada segi sifat fizikal dan ekonominya semata-mata, tetapi kemajuan yang ditunjangi dan dilestarikan oleh nilai-nilai murni dan madani. Berbicara Tun Abdullah lagi, marilah:

Kita bongkar rahsia kitab suci, cari panduan.
Kita bongkar rahsia sunnah nabi, cari pedoman.

Kerana inilah iaitu mencari dan mengembangkan ilmu, kita berada di UniMAP ini mengikut takdir yang ditetapkan oleh Ilahi. Tuntutan ini bukanlah tuntutan baru, tetapi tuntutan yang sentiasa bersifat baru yang perlu dihadapi oleh semua generasi dari zaman dahulu hingga dasawarsa terkini. Jika Rasulullah s.a.w. diciptakan untuk melaksananya, maka kita sebagai warisnya turut bertanggungjawab merealisasikannya. Dendangan ini bukan dendangan lagu-lagu lama, tetapi lirik-lirik mersik yang sentiasa baru, segar dan mencabar yang perlu didepani umat manusia sepanjang zaman selagi nilai-nilai murni dan madani tidak menjadi darah daging hati nurani. Untuk memperkukuh usaha dan tindakan yang menjadi tuntutan ini, Tun Abdullah memperingatkan kita supaya bertekad menjadi insan yang:

...hidup kerana Dia, Rabbi.

human capital that contributes to the nation's development.

<p>Dialah Teman, Dialah Wali. Dia mencukupi, aku hidup bererti, Menikmati damai abadi.</p>	
--	--

<p>Di samping cabaran sepanjang zaman, yakni cabaran memperlengkapkan dan menghiasi diri dengan nilai-nilai murni dan akhlak mulia, kita turut berhadapan dengan cabaran sebenar aspek ekonomi bangsa dan negara dalam konteks Wawasan 2020, yang tinggal kurang daripada 3,650 hari atau kurang daripada 87,600 jam untuk dicapai. Sedar atau tidak, empat hari lagi genaplah 19 tahun gagasan <i>Malaysia: The Way Forward</i> yang diucapkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamed pada 28 Februari 1991 berlegar dalam minda, khususnya minda rakyat Malaysia, dan minda masyarakat antarabangsa yang mengaguminya. Dalam ucapan sepanjang 29 halaman itu, Y.A.B Tun Dr. Mahathir mengingatkan bahawa Malaysia:</p> <p><i>“...should not be developed only in the economic sense. It must be a nation that is fully developed along all the dimensions: economically, politically, socially, spiritually, psychologically and culturally. We must be fully developed in terms of national unity and social cohesion, in terms of our economy, in terms of social justice, political stability, system of government, quality of life, social and spiritual values, national pride and confidence.”</i></p>	<p>Besides other challenges, the most crucial is developing the nation’s economy from the perspective of Vision 2020.</p>
---	---

Jelas sekali Tun Dr. Mahathir, dalam kerangka pemikirannya, seperti negarawan-negarawan lain negara kita melihat bahawa pembangunan ekonomi negara perlu dipacu secara seimbang dan holistik bersama-sama dengan pembangunan dimensi politik, sosial, psikologi, kerohanian dan budaya bangsa dan negara. Namun, di mana kedudukan Malaysia sekarang setelah hampir 19 tahun gagasan itu diketengahkan dan tinggal kurang daripada sepuluh tahun untuk direalisasikan jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti United Kingdom, Canada, Holland, Sweden, Finland, dan Japan yang dijadikan contoh oleh Tun Dr. Mahathir pada masa itu. International Monetary Fund (IMF) mencatat data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berdasarkan Perbandingan Kuasa Beli (atau Purchasing Power Parity=PPP) perkapita dalam nilai dolar antarabangsa mengikut negara-negara yang dijadikan perbandingan dalam ucapan Tun Dr. Mahathir bagi tahun 2009 seperti yang terdapat dalam Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2: Perbandingan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berdasarkan *Purchasing Power Parity* (PPP) perkapita bagi negara-negara yang disebut dalam “Malaysia: The Way Forward” bagi tahun 1990 dengan 2009.

Ranking Dunia 2009	Negara	KDNK 2009 ¹ (dalam Dolar Antarabangsa)	KDNK 1990 ² (dalam Dolar US)	Ranking Dunia 1990
9	Netherland	40,850	20,558.03	15
12	Canada	38,290	20,661.07	14
17	Sweden	35,934	28,295.14	3
20	United Kingdom	35,915	17,190.88	20
21	Finland	34,462	27,723.85	4
24	Jepun	32,817	24,430.83	9
58	Malaysia	13,551	2,466.98	68

Sumber: ¹International Monetary Fund, 2009; ²www.nationmaster.com

Data di atas menunjukkan bahawa *ranking* negara kita daripada segi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat sepuluh anak tangga dari tangga ke-68 pada tahun 1990 ke tangga ke-58 pada tahun 2009. Daripada segi *ranking*, negara kita mengatasi misalnya Sweden yang jatuh ke tangga ke-17 dari tangga ke-3 pada tahun 2009 berbanding dengan tahun 1990; Finland jatuh ke tangga 21 dari tangga ke-4; sementara Jepun jatuh ke tangga ke-24 dari

The nation's economic development should be balanced and holistic along with other dimensions such as politic, social, psychology, and culture.

Comparisons of Gross Domestic Growth (GDG) based on Purchasing Power Parity

tangga ke-9. Meskipun demikian, daripada segi jumlah, KDNK kita masih ketinggalan jauh. Jika dibandingkan dengan Netherland yang berada di tangga ke-9 dalam *ranking* dunia pada tahun 2009, KDNK kita masih ketinggalan sebanyak Dolar Antarabangsa 27,299. Jika dibandingkan dengan negara yang berada di *ranking* pertama dunia pada tahun 2009 iaitu Qatar (di tangga ke-22 dalam tahun 1990), KDNK kita ketinggalan sebanyak Dolar Antarabangsa 74,166 (sila rujuk Jadual 3).

Jadual 3: Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berdasarkan *Purchasing Power Parity* (PPP) perkapita tujuh negara mengikut *ranking* tertinggi dunia bagi tahun 2009 berbanding dengan tahun 1990.

<i>Ranking</i> Dunia 2009	Negara	KDNK 2009 ¹ (dalam Dolar Antarabangsa)	KDNK 1990 ² (dalam Dolar US)	<i>Ranking</i> Dunia 1990
1	Qatar	87,717	15,746.68	22
2	Luxembourg	78,723	33,177.72	2
3	Norway	53,269	27,374.18	5
4	Brunei	50,103	13,972.47	25
5	Singapura	49,433	12,091.36	31
6	Amerika Syarikat	46,443	23,063.58	10
58	Malaysia	13,551	2,466.98	68

Sumber: ¹International Monetary Fund, 2009; ²www.nationmaster.com

Usahlah kita bandingkan pencapaian negara kita dengan kuasa-kuasa ekonomi seperti Qatar atau Brunei yang dianugerahi Allah simpanan 'emas hitam' yang harganya pernah melonjak ke paras US\$147.27 sebarel pada 11 Julai 2008. Benarlah tidak banyak pengajaran yang dapat kita timba jika membandingkan naga dengan ular lidi. Tetapi, perhatikanlah bagaimana Singapura menciptakan rekodnya dengan melonjak dari kedudukan ke-31 dalam tahun 1990 hingga berupaya berada di tangga ke-5 dalam *ranking* dunia daripada segi KDNK dalam tahun 2009; melonjak sebanyak 26 anak tangga! Bagi saya ini suatu keajaiban, terutamanya bagi sebuah negara kecil yang tidak banyak sumber asli yang diwarisi dan dimilikinya sejak memperoleh kemerdekaan. Daripada KDNK US\$12,091.36 pada tahun 1990, kini KDNK-nya mencecah Dolar Antarabangsa 49,433. Dalam konteks ini pula, kita wajar mempelajari bagaimana sebuah negara yang dikategorikan sebagai 'ular lidi' suatu ketika dahulu berupaya mengatasi keupayaan dan kekuatan negara-negara yang

Gross Domestic Growth (GDG) based on Purchasing Power Parity per capita of the seven highest ranked countries in the world.

We should take heed from countries which lack natural wealth but are able to compete with other developed countries.

digelar naga yang maha bertenaga.

Apa istimewanya Singapura yang tidak dianugerahi 'emas hitam' berbanding dengan negara-negara lain yang mempunyai kelebihan daripada segi stok 'emas hitam'-nya? Dan kita tahu bahawa kebanyakan 'emas hitam' tersimpan dengan banyaknya di negara-negara Islam. Perhatikan perkembangan *ranking* negara-negara Islam (sila rujuk Jadual 4) daripada segi perkembangan KDNK masing-masing.

Jadual 4: Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berdasarkan Purchasing Power Parity (PPP) perkapita 12 negara Islam bagi tahun 2009 berbanding dengan tahun 1990.

<i>Ranking</i> Dunia 2009	Negara	KDNK 2009 ¹ (dalam Dolar Antarabangsa)	KDNK 1990 ² (dalam Dolar US)	<i>Ranking</i> Dunia 1990
1	Qatar	87,717	15,746.68	22
4	Brunei	50,103	13,972.47	25
11	Kuwait	38,876	8,671.90	35
13	United Arab Emirates	38,284	18,980.95	18
35	Oman	25,829	6,340.24	45
38	Arab Saudi	23,388	7,129.63	41
53	Libya	14,381	6,669.49	42
58	Malaysia	13,551	2,466.98	68
71	Iran	11,202	2,133.00	80
101	Mesir	6,147	774.70	122
121	Indonesia	4,149	642.01	129
132	Pakistan	2,671	370.55	152

Sumber: ¹International Monetary Fund, 2009; ²www.nationmaster.com

Perhatikan bahawa kedudukan Arab Saudi (di tempat ke-41 pada tahun 1990) yang mempunyai kelebihan daripada segi simpanan 'emas hitam' yang banyak, tetapi KDNK-nya tidak banyak beda perkembangannya berbanding dengan perkembangan KDNK negara kita pada tahun 2009. Pada masa ini, mengikut data IMF yang dirujuk, KDNK Malaysia berada di tangga ke-8 dalam kalangan negara-negara Islam. Ternyata kita perlu bersyukur kerana masih mempunyai simpanan 'emas hitam' yang dikatakan akan kontang dalam jangka masa sepuluh tahun lagi. Lantaran apa strategi baru negara jika stok minyak kita habis? Dan apakah pula

Table 4 shows the GDG based on Purchasing Power Parity (PPP) for 12 Islamic countries for year 2009 compared to year 1990.

Malaysia firmly positioned at 8th place among the Islamic countries according to IMF.

Strategies and plans need to be

peranan yang wajar dimainkan oleh universiti seperti UniMAP dan rakyat seluruhnya? Bagaimana kita perlu bersaing pada masa akan datang, dan bagaimana kita, maksud saya negara-negara Islam, sewajarnya memanfaatkan kelebihan daya saing dan kompetensi teras negara masing-masing untuk saling membantu dan menyangga perkembangan ekonomi ummah. Dalam konteks wilayah serantau, apakah pula cabaran yang perlu ditangani dan apakah pula peluang yang wajar diintai untuk kita terus berdaya saing dengan menggunakan pendekatan kerjasama atas semangat keserantauan wilayah negara-negara di sebelah timur. Di samping itu, tidak syak lagi bahawa kita perlu banyak mempelajari cara rakyat Singapura (di tangga kelima dalam *ranking* dunia), Jepun (di tangga ke-24), Taiwan (di tangga ke-27), dan Korea Selatan (di tangga ke-32) membangunkan ekonomi negara mereka meskipun negara-negara itu tidak mempunyai sumber asli yang banyak berbanding dengan negara-negara lain di dunia (rujuk Jadual 5).

Jadual 5: Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berdasarkan *Purchasing Power Parity* (PPP) perkapita (dalam nilai dolar antarabangsa) mengikut *ranking* dunia bagi negara-negara serantau bagi tahun 2009.

<i>Ranking</i> Dunia 2009	Negara	KDNK 2009 ¹ (dalam Dolar Antarabangsa)	KDNK 1990 ² (dalam Dolar US)	<i>Ranking</i> Dunia 1990
4	Brunei	50,103	3,972.47	25
5	Singapura	49,433	12,091.36	31
24	Jepun	32,817	24,430.83	9
27	Taiwan	29,829	n.a	n.a
32	Korea Selatan	27,791	6,153.10	48
58	Malaysia	13,551	2,466.98	68
89	Thailand	7,998	1,561.98	89
121	Indonesia	4,149	642.01	129
126	Filipina	3,536	725.18	124
127	Vietnam	2,933	97.76	180
139	Laos	2,217	212.34	170
145	Kemboja	2,018	114.47	179

Sumber: ¹International Monetary Fund, 2009; ²www.nationmaster.com

Selain itu, sedarlah bahawa negara-negara lain di rantau sebelah sini seperti Indonesia, Vietnam dan Kemboja dikatakan sedang membina asas-asas ekonomi yang lebih kukuh untuk bersaing pada masa akan datang. Indonesia, misalnya, dikatakan mengalami pertumbuhan ekonomi yang lebih baik berbanding dengan pertumbuhan ekonomi negara kita. Apakah kelebihan daya

drafted and taken into consideration for the benefit of our country. We need to learn and to observe from other countries as to liven our competitiveness spirit and to understand how those countries were able to develop themselves.

Table 5 shows the GDG based on *Purchasing Power Parity* (PPP) according to world ranking for year 2009.

We need to realise that our neighbouring countries had also developed themselves

<p>saing negara jiran yang menjadi saudara tradisi berbudaya sepunya dengan kita itu? Persoalan yang lebih bermakna ditanyakan ialah apakah pengajaran yang wajar kita timba daripada peristiwa ekonomi dan bukan ekonomi yang kita lalui selama 20 tahun ini?</p>	<p>economically and now competing with us.</p>
--	--

<p>Saudara-saudara dan mahasiswa yang dikasihi.</p> <p>Sesungguhnya saya bukanlah si cerdik ekonomi yang pintar menguraikan setiap data yang dibentangkan. Namun saya merasai bahawa data yang dikemukakan ini perlu diketengahkan dan dikongsi supaya data ini dapat ditafsiri sehingga memberikan makna kepada kita semua sama ada kita bergelar mahasiswa, pentadbir, ahli akademik atau profesor. Ternyata peringatan Tun Dr. Mahathir dalam ucapan popularnya 19 tahun dahulu amat bermakna. Ternyata bahawa pertumbuhan dan perkembangan ekonomi semata-mata tidak berupaya berdiri sendiri untuk memajukan sesebuah negara. Setiap satu dimensi yang disebut oleh Tun Dr. Mahathir iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya bangsa dan negara ialah ibarat susunan batu-bata yang membina tembok keutuhan ketamadunan bangsa dan negara. Oleh sebab itulah ada negara yang kaya hasil mahsul dan sumber aslinya, tetapi tidak berupaya menjadi pemimpin dan kuasa ekonomi dunia. Sebaliknya, ada negara yang kecil saiz geografi dan demografinya berupaya pula menjadi naga meskipun sebelum ini hanya disifatkan sebagai ular lidi ekonomi dunia.</p> <p>Inilah antara pengajaran yang mahu saya kongsi bersama-sama saudara pada pagi ini. Yang pastinya kita perlu belajar dan mencontohkan negara-negara kecil yang tidak banyak sumber aslinya, tetapi berupaya membangunkan ekonominya. Apakah agaknya ciri dan sifat politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya yang dimiliki mereka sehingga berupaya membina ekonomi bangsa dan negara ke tahap luar biasa atau <i>super</i> dan/atau ultra luar biasa keajaibannya. Dalam konteks UniMAP sebagai institusi pengajian tinggi yang secara relatif kecil wajar memelajari pengalaman negara-negara kecil berupaya menjadi naga ekonomi supaya UniMAP yang kecil ini berupaya juga menjadi institusi pengajian tinggi super dan/atau ultra yang dirasai, dihargai, dan disegani kewujudannya.</p> <p>Sehubungan dengan itu, hari ini akan menjadi lebih bermakna jika kita bersama-sama mencuba memikirkan letak duduk negara kita apabila menjelang fajar 1 Januari 2020 kelak. Berupayakah Malaysia dikelompokkan sebagai negara maju seperti yang disasarkan sekitar 19 tahun dahulu? Semasa</p>	<p>Tun Dr. Mahathir has forewarned that the economic growth alone is insufficient to sustain the development of a nation as the building blocks of a civilization include various other dimensions such as political, social, spiritual, psychological and cultural.</p> <p>UniMAP should take heed from the small countries with limited resources but have grown into economic giants.</p>
--	--

meletakkan asas-asas Wawasan 2020, Tun Dr. Mahathir secara hipotetikal menggariskan bahawa jika ekonomi kita berupaya berkembang secara purata tujuh peratus setiap tahun mulai 1991 sehingga tahun 2020, insya-Allah Malaysia akan menjadi negara maju. Dengan andaian bahawa kadar pertumbuhan penduduk berkembang secara kasar 2.5 peratus setiap tahun, maka pada 2020 rakyat Malaysia dijangka menjadi empat kali lebih kaya berbanding dengan tahun 1990. Untuk mencapai tahap yang diidami itu, Tun Dr. Mahathir mensyaratkan supaya ekonomi negara perlu berdaya saing dan perlu bersifat dinamik, bertenaga (*robust*), dan bingkas pulih (*resilient*) daripada tekanan ekonomi yang tidak dapat dijangka secara pasti ketibaannya. Maksudnya, menurut Tun Dr. Mahathir, ekonomi negara perlulah digerakkan secara seimbang oleh, antara lain, sektor perindustrian yang pelbagai dan luas asasnya, sektor pertanian yang moden dan matang, sektor perkhidmatan yang cekap dan produktif; ekonomi yang tangkas berdikari, berupaya membuat penyesuaian dengan pantas dengan pola-pola perubahan penawaran, permintaan dan persaingan; ekonomi yang digerakkan oleh penggunaan teknologi secara intensif, mahir dan cekap, dan berupaya mengubahsuai, membuat inovasi, dan mereka cipta; ekonomi yang dipacu oleh kuasa akal, kemahiran, ketekunan dan kerajinan meraih kekayaan maklumat, dengan ilmu tentang apa yang perlu dilakukan dan bagaimana melakukannya; ekonomi yang produktiviti setiap faktor pengeluarannya tinggi dan sentiasa meningkat; ekonomi yang bersifat keusahawanan yang tidak bergantung pada orang lain, berpandangan luas dan berdaya usaha (*enterprising*); ekonomi yang dilestarikan oleh etika kerja yang wajar dijadikan contoh, dan kesedaran yang berkualiti yang sering mendambakan kecemerlangan.

Dengan panduan-panduan seumpama ini di manakah tahap ekonomi kita? Dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berdasarkan *Purchasing Power Parity* (PPP) atau Perbandingan Kuasa Beli perkapita 2009 yang bernilai Dolar Antarabangsa 13,551 seperti yang dianggarkan oleh IMF, atau mengikut Y.A.B Dato' Seri Najib Tun Razak, seperti yang dipetik oleh *The Malaysian Insider* pada 25 Januari 2010, Pendapatan Negara Kasar (PNK) semasa sekitar US\$7,000 (atau RM23,868.60 berdasarkan kadar tukaran asing RM3.4098 bagi setiap US\$1 pada 7 Februari 2010) apakah prestasi kita dalam konteks untuk mencapai taraf negara maju? Pada masa ini, Bank Dunia menetapkan bahawa sesebuah negara perlulah mencapai PNK sebanyak US\$12,000 (atau RM40,917.60 berdasarkan kadar tukaran asing RM3.4098 bagi setiap US\$1 pada 7 Februari 2010) untuk dikategorikan sebagai negara yang ekonominya berpendapatan tinggi (atau dalam tafsiran saya negara maju).

In relation to Vision 2020, Tun Dr. Mahathir has cautioned that the economy of the country has to be dynamic, robust and resilient to withstand any unpredictable pressure.

The World Bank has indicated that a developed country should have a GDP of USD12,000 and in 2020, the rate would be at USD17,000.

<p>Namun, berdasarkan kadar pertumbuhan unjuran, kadar itu dijangkakan akan mencapai US\$17,000 (atau sekitar RM57,966.60) pada tahun 2020. Lantaran itu, Y.A.B Perdana Menteri menjangkakan bahawa negara akan mencapai status negara maju pada tahun 2020 jika ekonomi negara tumbuh pada kadar lapan peratus setahun sepanjang sepuluh tahun akan datang. Menurut Y.A.B. lagi, jika pertumbuhan ekonomi negara tumbuh pada kadar enam peratus, maka status negara maju itu akan hanya dicapai pada 2030; sepuluh tahun lebih lewat daripada jangkaan dan kiraan yang dibuat pada tahun 1991. Tan Sri Nor Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pula berpendapat bahawa Malaysia perlu meningkatkan pendapatan perkapitanya sekali ganda dari RM26,415 pada 2008 kepada RM52,347 pada 2020 bagi mencapai status negara maju. Untuk mencapai jumlah itu, ekonomi negara perlu berkembang sekurang-kurangnya 5.4 peratus bagi tempoh 2011-2020.</p>	<p>The Prime Minister anticipated that in order to achieve the developed country status, the economic growth should be sustained at eight percent for ten consecutive years.</p>
--	--

<p>Respon fikiran saya sehubungan dengan isu sepeenting ini (perlu dijelaskan sekali lagi bahawa saya bukan pakar ekonomi yang bijak mentafsir data ekonomi) ialah saya lebih cenderung meneliti dan menitikberatkan dimensi-dimensi lain yang mempengaruhi ekonomi negara berbanding dengan memberikan penumpuan kepada keadaan ekonomi dunia global sama ada secara mikro atau makro. Saya lebih berminat meneliti faktor-faktor politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya bangsa dan negara yang akhirnya mempengaruhi perkembangan ekonomi dunia. Pada saya, ekonomi dunia yang merudum dan menguncup dalam setahun dua ini bukanlah terjadi kerana sifat alami ekonomi yang dikatakan mengikut putaran alaminya yang turun naik mengikut teori-teori yang sedia ada. Tetapi, pengecutan ekonomi itu berpunca daripada 'tangan-tangan' manusia yang rakus. Ini dibukti oleh pakar ekonomi apabila mereka mengatakan bahawa kegawatan ekonomi berpunca daripada runtuhnya sistem kewangan moden yang terlalu mudah memberikan kredit. Krisis ekonomi boleh juga berlaku kerana peperangan yang diciptakan manusia; boleh berlaku kerana naiknya harga minyak mentah di pasaran dunia; boleh berlaku kerana salah urus sistem kewangan bank pusat atau bank perdagangan. Saya menyimpulkan bahawa kerakusan hati dan kedangkalan akal manusia yang menjadi puncanya, sama ada ekonomi sesebuah negara itu terdedah pada gelembung ekonomi, gelembung komoditi atau gelembung kredit sebagai akibat tindak-tanduk kerajaan, syarikat swasta atau rakyatnya.</p>	<p>I truly believe that it is better to emphasize and look at other dimensions that might have affected our current economical status.</p> <p>The gluttony of mankind is always the culprit of many economic issues.</p>
--	--

Saya tidak mahu memanjangkan bicara yang intisarinya tidak termasuk dalam bidang kepakaran saya, tetapi apakah reaksi kita tentang kemungkinan lewatnya negara mencapai taraf negara maju? Apakah yang wajar kita lakukan untuk terus memacu ekonomi negara supaya segera pulih dan segera memakmurkan dan mensejahterakan rakyat? Inilah antara cabaran getir yang wajar kita tangani bersama, sama ada kita bergelar mahasiswa atau pensyarah; pentadbir atau pelajar; pekerja atau pengusaha; pemimpin atau pengikut. Sebagai rakyat yang bertanggungjawab kita perlu menghadapi cabaran ini dengan penuh prihatin dan serius. Cabaran ini akan mudah kita hadapi bersama jika kita bersedia untuk berubah dan terus berubah ke arah kebaikan; berubah daripada mengamalkan sifat mazmumah kepada sifat mahmudah; berubah daripada sikap pemalas dan culas bekerja atau belajar kepada sikap rajin dan tangkas melaksana tanggungjawab; memilih untuk menjadi ilmuan yang sentiasa dahaga akan ilmu dan pengetahuan; dan yang paling penting ialah memilih pahala berbanding dengan dosa. Jika kita tidak berupaya merobah tabiat negatif diri, bagaimana kita mahu membantu merobah lanskap ekonomi negara yang lebih mencabar?

Pada tahun lalu dan tahun-tahun sebelumnya, dalam upacara yang sama, saya telah mengulas serba ringkas tentang makna *change* atau berubah dan perubahan. Tidak perlu saya mengulas perkara yang sama sekali lagi atau beberapa kali lagi. Saya pasti saudara-saudara tidak akan berasa selesa jika saya mengulanginya sekali lagi pada hari ini. Tetapi, yang penting ditanya pada masa ini ialah sudahkah kita berubah? Jika dibandingkan dengan sikap kita pada tahun lalu, setakat manakah kita telah berubah ke arah yang positif dan diredhai Allah? Sudah berubahkah cara kita melaksana kerja dan tanggungjawab atau cara belajar yang diamanahkan kepada kita? Lebih positifkah pemikiran, perasaan, tindakan dan cara kita melaksana kerja dan tanggungjawab atau belajar berbanding dengan pemikiran, perasaan, tindakan dan cara kita melaksana kerja dan tanggungjawab atau belajar pada hari atau minggu atau bulan atau tahun atau dasawarsa sebelumnya? Sesungguhnya berubah menjadi insan yang lebih baik di sisi Allah dan manusia menjadi tuntutan agama. Hanya dengan mengubah paradigma kepada yang lebih suci, murni dan diredhai Allah barulah kita akan berupaya melakukan perubahan pada dunia sama ada daripada segi ekonomi, politik, sosial atau apa sahaja yang mahu kita ubahkan. Pada saya inilah cabaran yang sentiasa berlegar dan menghantui kehidupan manusia sama ada kita berada dalam dasawarsa lama atau dasawarsa baru. Hakikatnya, dasawarsa tidak sewajarnya menjadikan kita berubah. Kitalah yang sewajarnya mengubah wajah dasawarsa yang silih berganti

Regardless of who and what we are, it is vital for all of us to face and deal this ultimate challenge seriously.

We need to be prepared for a change.

Have we changed ?

How much have we changed ?

We need to change and be the agent of change.

<p>setiap sepuluh tahun.</p> <p>Dalam usaha menangani cabaran semasa yang utama iaitu keperluan mencapai sasaran Wawasan 2020 yang berhasrat melihat rakyat Malaysia menjadi kaya empat kali ganda berbanding dengan kekayaan yang dimiliki dalam tahun 1990 (meskipun dalam bentuk pendapatan perkapita), apakah yang perlu kita sumbangkan untuk melonjakkan semula pertumbuhan ekonomi negara supaya pertumbuhan negatifnya pada masa kini tidak menjejaskan peluang untuk kita menjadi negara maju mengikut perancangan asal. Berasaskan Keluaran Dalam Negara Kasar yang bernilai US\$195 bilion atau 0.31 peratus daripada ekonomi dunia, mengikut Bank Dunia, dan purata pertumbuhan ekonomi sejak 2006 hingga 2009 sebanyak 3.24 peratus apakah yang perlu kita lakukan? Sebagai institusi pendidikan, saya berpendapat bahawa kita boleh menyumbang dengan memainkan peranan yang kita laksana kini. Syarat utamanya ialah peranan yang kita mainkan kini hendaklah dilaksanakan dengan lebih serius dan bersungguh-sungguh. Ramuan ekonominya telah dirumuskan oleh Y.A.B Tun Dr. Mahathir dalam ucapannya pada tahun 1991. Yang perlu kita lakukan sekarang ialah bertekad untuk melipatgandakan usaha dan melaksana tekad itu secara konsisten selagi hayat dikandung badan. Jika setiap warga Malaysia bertekad untuk 'menyerang balas' kelembaban ekonomi dengan sikap yang lebih positif dan progresif, saya yakin Malaysia mampu mengembangkan pertumbuhan ekonomi tahunannya dengan lebih rancak, kita mampu melonjakkan KDNK daripada paras semasa menjadi berganda, dan saya yakin kita semua berupaya menambahkan pendapatan perkapita negara ke paras minimum yang dituntut oleh Bank Dunia iaitu RM50,556 pada 2020. Jika Singapura mampu melakukannya, mengapa kita tidak berupaya?</p>	<p>As an educational institution, we are now on the right track to make vision 2020 a reality.</p> <p>We still need to put more effort on that, in a more serious and consistent manner.</p>
--	--

<p style="text-align: center;">Menyangga Agenda Perubahan</p> <p>Saudara-saudara yang dirahmati Allah sekalian.</p> <p>Selanjutnya saya berhasrat berkongsi beberapa pandangan tentang apa yang perlu kita lakukan untuk menjadikan Malaysia negara yang berprestasi dan berpendapatan tinggi. Pandangan-pandangan saya ini berpaksi pada kepercayaan bahawa sesuatu perubahan untuk meraih kecemerlangan mesti bermula dengan diri kita sendiri. Namun, yang kita bicarakan hari ini bukan semata-mata untuk dijadikan pakaian pada diri, tetapi kaitkanlah manfaat mengubah kebiasaan diri dengan kecemerlangan institusi dan kemajuan negara seluruhnya. Sebelum itu, izini saya menyirih barang sebaris dua warisan bangsa:</p>	<p>To Support Transformation Agenda</p> <p>Introducing ways to make Malaysia a prestigious and a high-income nation with a belief that excellence begins within everyone of us.</p>
--	---

Jika makan, biarlah yang dimakan berasa
Jika merenung, biarlah yang direnung tak bingung
Jika mendengar, biarlah yang didengari berbunyi
Jika berfikir, biarlah yang difikirkan bertindakan
Kalau alang kepalang, baiklah jangan.

Pertama, oleh sebab institusi kita institusi yang berorientasikan perkhidmatan, maka kita perlu menerima hakikat bahawa kita tidak boleh lari daripada memberikan fokus kepada pelanggan atau klien sama ada klien dalaman atau klien luaran. Dalam dunia perniagaan terbukti bahawa pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan, akan datang semula membeli perkhidmatan yang ditawarkan berulang-ulang kali selagi mereka tidak berjumpa dengan perkhidmatan yang lebih berkualiti atau mengatasi nilai yang dibayar mereka.

Misalnya, jika saudara-saudara ke klinik kerana demam. Apakah yang saudara harapkan daripada pekerja dan doktor di klinik itu? Saya yakin saudara-saudara memerlukan layanan yang segera, rawatan yang sempurna dan ubat yang mujarab. Apakah yang akan saudara-saudara lakukan jika saudara-saudara tidak mendapat layanan, rawatan dan ubat yang sewajarnya? Jika semua pelanggan bertindak pergi ke klinik lain apakah yang akan terjadi pada pekerja dan doktor klinik itu? Begitu jugalah keadaannya jika saudara-saudara tidak memberikan layanan yang sewajarnya kepada pelanggan dalaman saudara-saudara yang mungkin terdiri daripada rakan sekerja, ketua jabatan atau rakan dari jabatan lain di universiti ini. Dalam jangka masa pendek mungkin saudara-saudara tidak merasai kesannya, tetapi apabila semua rakan dan ketua mula memberikan komen yang negatif terhadap sikap negatif saudara, lambat laun saudara juga yang akan menerima akibat buruknya. Hakikatnya bukan hanya pekerja secara peribadi yang rugi, malah negara turut menanggung kerugian. Jika semua rakyat Malaysia tidak memberikan perkhidmatannya seperti yang diingini pelanggan (pelancong, misalnya) dari dalam atau luar negara, pelancong manakah yang mahu membelanjakan wang mereka di negara ini? Jika banyak calon mahasiswa enggan melanjutkan pelajaran di UniMAP kerana layanan stafnya yang sambil lewa, sehingga mengakibatkan bilangan mahasiswa tinggal tidak seberapa, apa perlunya staf yang banyak, jika staf yang sedikit pun tidak banyak kerja yang perlu dilaksanakan?

Pelanggan penting bagi sesebuah entiti perniagaan. Klien pula maha penting bagi institusi yang menawarkan perkhidmatan. Saudara-saudara mungkin berfikir bahawa peniaga mendapat untung, kita dapat apa? Tetapi janganlah lupa bahawa bukan

First, focus must be given towards the customers' satisfaction.

Insufficient services provided to the customers and other colleagues would make the nation and UniMAP suffer a great loss in the long run.

Customers' satisfaction must be given a high priority. In order to

<p>semua yang berada di gedung perniagaan ialah pengusaha. Sebahagian besar daripada mereka ialah pekerja seperti kita juga yang makan gaji. Tetapi oleh sebab rezeki susah dicari, senyuman kena terus dikuntumkan, budi bahasa perlu disantunkan, budi pekerti mesti diadabkan dan tulang empat kerat perlu diringankan. Semua ini perlu dilaksanakan supaya klien kita berpuas hati dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Amat besarlah harapan saya agar UniMAP tidak mempunyai staf yang tidak menghargai kliennya. Jika ada, eloklah anda berubah. UniMAP menuntut agar anda berubah. Anggaphlah upacara Ucaptama ini sebagai air bah supaya pantai segera berubah. Untuk memastikan pelanggan atau klien kita berpuas hati dengan perkhidmatan yang kita sampaikan, maka saya menggesa agar semua PTj selepas ini mengukur pencapaian piagam pelanggan yang dipaparkan di dada pejabat masing-masing. Laporan pencapaian itu hendaklah dijadikan agenda mesyuarat PTj dalam enam bulan sekali supaya kita dapat mengesan sama ada perkhidmatan kita berorientasikan klien atau sebaliknya. Saya berharap saudara-saudara sekalian memandang serius perkara ini dan menerimanya dengan hati yang terbuka.</p>	<p>achieve this, every department should review their customer satisfaction charts and conduct meeting for this matter.</p>
<p>Kedua, penjagaan kepuasan hati klien bukan sekadar menjaga senyuman, budi pekerti dan ringan tulang. Sikap positif itu mestilah diikuti pula oleh penyampaian perkhidmatan yang efisien dan efektif. Rasanya sudah berbuih mulut ini menggesa semua warga UniMAP supaya memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Namun, sukacita saya mengulangkan semula bahawa kecekapan dan keberkesanan seseorang pekerja itulah yang dapat meningkatkan rasa puas hati klien. Apa gunanya senyuman yang meleret jika lambat ke tempat kerja dan lambat pula melaksana kerja. Sudahlah lambat menyiapkan kerja, salah pula; lain yang disuruh buat, lain pula yang disiapkan. Jika tidak tahu membuat kerja, bertanyalah pada yang tahu. Jika memerlukan latihan, maklumi ketua saudara agar modal insan yang saudara-saudara miliki dapat segera dipertingkatkan.</p> <p>Bagi yang sudah cekap dan berkesan pula, sukacita saya menasihati saudara-saudara agar segera meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan supaya tidak diganggu-gugat oleh rasa selesa yang besar bahayanya. Rasa selesa ini, pada pemerhatian saya, boleh berlaku pada sesiapa dan bila-bila sahaja: pada yang belum belajar di universiti, berasa selesa dan cepat berpuas hati setelah diberi tempat di IPT; pada yang tiada kerja, setelah mendapat pekerjaan; pada yang berstatus kontrak, setelah mendapat status tetap; pada yang belum disahkan dalam perkhidmatan, setelah disahkan dalam perkhidmatan; pada yang belum naik pangkat, setelah dinaikkan pangkat dan gajinya; pada yang belum mendapat gaji, setelah menerimanya setiap awal bulan. Staf yang <i>complacent</i> atau <i>contented</i> ini hanya ringan tulang sebelum mendapat sesuatu yang dihajatnya. Setelah mendapat apa jua hajat di hati, mereka mula relaks atau mula membuat sesuatu yang lain sehingga terganggu tugas hakikinya. Sedarlah bahawa masa tidak menunggu kita. Cabaran dan tuntutan semasa semakin mendesak supaya kita segera</p>	<p>Second, a good service is more than serving a client with a happy face.</p> <p>Some staff are complacent and contented before they get what 'they want'</p>

<p>meningkatkan produktiviti. Jika produktiviti setiap warganegara meningkat dengan hebatnya barulah ekonomi negara dapat tumbuh di luar jangka. Jika tidak, akan tinggal bersemadilah wawasan negara dalam lipatan kenangan. Selain itu, peningkatan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan dan sistem penyampaian sesebuah institusi tidak wajar berlegar pada diri seseorang individu sahaja. Produktiviti yang tinggi hanya akan terhasil berlipat ganda jika diusahakan dan disinergikan dalam kumpulan kerja intrajabatan dan interjabatan. Konsep keikhlasan tidak mengajar kita mencari kemenangan dan kepopularan peribadi atau kelompok yang disenangi semata-mata, tetapi lebih mengutamakan pencapaian organisasi. Jika mahu melihat majunya negara, pencapaian mesti diutamakan, kata Y.A.B Perdana Menteri kita. Jika kita mahu maju, bukan kelompok yang mesti didahulukan, tetapi agama, rakyat dan negara. Inilah resepi terbaik untuk membina negara bangsa yang maju. Untuk memastikan maklumat pencapaian setiap PTj dikongsi, dibincangkan dan tindakan diambil untuk menambahbaik sistem penyampaian, maka sekali lagi saya menggesa supaya semua ketua PTj menjadikan laporan pencapaian jabatan masing-masing dijadikan agenda mesyuarat PTj secara berkala atau sekurang-kurangnya setahun sekali.</p>	<p>According to The Prime Minister the current challenges require the productivity to be improved by working in a team.</p> <p>Each department needs to share and discuss ways to improve their delivery system.</p>
--	--

<p>Ketiga, kita harus bersifat adaptif atau mudah menyesuaikan diri dengan pola-pola perubahan lokal dan global. Jika dahulu UniMAP tidak mempunyai penuntut antarabangsa bolehlah kita selesa berbicara sesama kita hanya dengan bahasa ibunda. Tetapi kini kita telah mula didatangi klien antarabangsa. Sementara menunggu mereka berupaya berbahasa ibunda kita, apa salahnya kita menggunakan bahasa antarabangsa untuk memenangi hati mereka. Jika saudara-saudara tidak fasih berbahasa antarabangsa, ambillah inisiatif untuk mempelajarinya. Saya yakin Pusat Bahasa dan Hubungan Antarabangsa kita sentiasa bersedia membantu. Tidak perlulah menunggu universiti mengeluarkan arahan baru saudara-saudara hendak bertindak. Usahlah mengambil sikap pahat yang sentiasa menanti penukul untuk berfungsi. Apa sahaja yang baik perlu dilaksana segera tanpa banyak alasan dan bicara. Bersikap proaktiflah untuk meningkatkan daya saing individu dan organisasi. Aspek ini juga telah saya tegaskan beberapa kali. Namun, apakah reaksi dan tindak balas saudara?</p> <p>Dalam tahun ini juga didapati bahawa peruntukan perbelanjaan yang diluluskan kerajaan kepada UniMAP telah dikurangkan sebanyak RM29,702,500 (sekitar 17%) daripada jumlah peruntukan tahun 2009. Jumlah ini merupakan suatu jumlah yang banyak. Dengan wang sebanyak itu kita mampu membeli sebanyak 198 buah rumah atau Toyota Camry (pada kadar harga RM150,000 sebuah), kita mampu memberikan pekerjaan kepada 2,062 orang kerani baru (pada kadar gaji dan elaun sebanyak RM14,400 setahun) atau meningkatkan tenaga kepakaran kita dengan mengambil sebanyak 165 orang profesor (dengan anggaran gaji sebanyak RM180,000 setahun), atau dengan wang sebanyak itu kita mampu membeli 707 buah rumah kos rendah (pada kadar RM42,000 sebuah) untuk disedekahkan kepada keluarga-keluarga yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan atau mampu membina</p>	<p>Thirdly, We must take the initiative to use and learn international languages.</p> <p>This year, UniMAP budgets have been decreased by 17%.</p>
---	--

<p>sebanyak 59 buah surau (pada kadar RM500,000 sebuah). Banyak yang mampu dilakukan UniMAP dengan wang sebanyak itu. Inilah akibatnya jika ekonomi mengalami kemelesetan atau produktiviti kita atau negara berkurangan. Tetapi kita perlu bersyukur kerana peruntukan universiti lain ada yang dipotong lebih banyak daripada itu. Bagaimana kita perlu bertindak balas dengan keadaan semasa ini?</p> <p>Nampaknya kita tiada cara lain selain daripada mengubahkan cara bekerja; berubah daripada melaksana <i>business as usual</i>. Kita perlu meneruskan usaha untuk berbelanja secara berhemat; berbelanja mengikut keperluan tanpa bertolak-ansur dengan sikap yang suka mubazir misalnya membazirkan elektrik, air, panggilan telefon, petrol, alat tulis, bahan-bahan di makmal, dan bahan-bahan lain yang dipakai buang. Kerja hendaklah disiapkan dalam waktu bekerja, dan bekerja lebih masa hanya pada masa yang benar-benar diperlukan. Mulai tahun ini peruntukan kerja lebih masa diluluskan hanya bagi kerja-kerja yang kritikal. Di samping itu, Jabatan Bendahari telah mengambil inisiatif mengeluarkan panduan perbelanjaan berhemat dan kita mesti akur dengan panduan-panduan yang diberikan. Semua ketua PTj hendaklah memastikan panduan ini dijadikan amalan baru. Jabatan Pembangunan hendaklah menggiatkan lagi kerja-kerja penyelenggaraan semua aset supaya daya kebergunaannya dapat dipanjangkan kerana pada tahun ini kita tidak memperuntukkan belanja pembangunan kepada semua PTj jika difikirkan tidak perlu. Y.B. Menteri Pengajian Tinggi dalam Perutusan Tahun Baru 2010 pada 12 Januari yang lalu menyebut bahawa kita perlu memanfaatkan apa yang ada dan mengharapkan agar kita semua memberikan lebih banyak dengan sumber yang sedikit. "With less, deliver more," kata Y.B. Menteri.</p>	<p>We need to spend wisely and adhere to the guidelines provided by the Bursary.</p>
<p>Di samping itu, dalam kesempatan yang ada ini saya menyeru semua mahasiswa agar membantu Universiti berjimat dengan menutup lampu dan pendingin hawa di bilik-bilik kuliah dan asrama jika tiada sesiapa yang memerlukannya. Jika terdapat harta Universiti yang rosak atau hampir rosak, saya merayu agar saudara-saudara laporkan perkara itu kepada Jabatan Pembangunan. Kita telah ada portal interaktif yang boleh dimanfaatkan sebagai klien utama UniMAP. Sesungguhnya secoret laporan saudara-saudara untuk menambahbaik sistem penyampaian Universiti amat bermakna dan amat dihargai. Sesungguhnya yang dibelanjakan ialah wang rakyat. Saudara-saudara perlu bersyukur dan bertanggungjawab sebagai penerimanya. Namun, ingatlah bahawa kos yang saudara-saudara tanggung untuk mendapatkan pendidikan di sini adalah paling minimum berbanding dengan kos yang ditanggung oleh rakan-rakan saudara di institusi pengajian tinggi swasta. Jika pokok rambutan yang ditanam janganlah mengharapkan durian sebagai buahnya. Hargailah apa yang disediakan oleh kerajaan dan UniMAP dalam keupayaan yang ada. Pokok rambutan jika dijaga dengan baik, jika dipupuk, disirami dan dirawat dengan sempurna, nescaya dapat menghasilkan buah rambutan yang bermutu, yang nilai dan pulangnya berkemungkinan lebih tinggi daripada pokok durian yang tidak dijaga dan</p>	<p>Students should also play an active role towards helping university to spend the budget wisely.</p>

dipedulikan.	
<p>Saudara-saudara aset negara sekalian.</p> <p>Dalam era dasawarsa baru ini Y.A.B Perdana Menteri telah mengumumkan empat tonggak utama agenda perubahan kerajaan iaitu konsep 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, Program Transformasi Kerajaan (PTK), Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). Aspek 'Pencapaian Diutamakan' dalam konsep 1Malaysia diuraikan dengan lebih jelas dalam Program Transformasi Kerajaan (PTK) yang memberikan penekanan tentang enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (atau <i>National Key Result Area</i> [NKRA]) yang terdiri daripada 1) meluaskan akses pendidikan berkualiti, 2) mengurangkan kadar jenayah, 3) memerangi rasuah, 4) meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, 5) memperkasakan prasarana luar bandar dan pedalaman, dan 6) menambahbaik pengangkutan awam. Di samping itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pula menggariskan lima Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (<i>Ministry Key Result Area</i> [MKRA]) iaitu 1) memperkasakan kualiti IPT, 2) meningkatkan kebolehpasaran siswazah, 3) mengantarabangsakan pengajian tinggi, 4) meningkatkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan untuk memperkaya ilmu dan pengkomersilan, 5) mempertingkatkan penyertaan rakyat dalam pembelajaran sepanjang hayat.</p> <p>Apakah kaitan NKRA itu dengan UniMAP sebagai institusi pendidikan? Secara seimbias lalu kelihatan hanya NKRA 1 iaitu meluaskan akses pendidikan berkualiti berkait secara langsung dengan kita sebagai pembekal perkhidmatan pengajian tinggi. Tetapi, jika ditatap dengan lebih teliti akan kelihatanlah kaitan kesemua NKRA itu dengan kita, sama ada sebagai individu atau organisasi. Kita perlu menyumbang kepada usaha mengurangkan kadar jenayah dan rasuah. Caranya mudah, kita jangan melakukan jenayah. Kita jangan memberikan dan/atau menerima rasuah. Dalam masa yang sama kita perlu meningkatkan usaha meyakinkan anak-anak didik kita bahawa jenayah dan rasuah itu dalam apa jua bentuk perlu dijauhi dan dijauhkan. Gunakanlah waktu kuliah yang terluang untuk menerapkan dan memasukkan adab ke dalam diri mereka selain daripada ilmu praktis yang diperlukan untuk memajukan diri, masyarakat dan negara. Kita perlu menunjukkan kaedah dan cara anak didik kita perlu menyumbang untuk meningkatkan taraf hidup diri, khususnya rakyat yang berada di sekitar paras garis kemiskinan. Kita perlu mengajar mereka menjadi jurutera, ahli perniagaan, usahawan atau pekerja yang cemerlang supaya berupaya menyumbang kepada pembangunan negara dalam semua aspek yang mencakupi makna pembangunan itu. Jika bukan kita yang mencuba menjadikan mereka manusia, siapa lagi yang hendak diharapkan? Ini tanggungjawab kita bersama yang bukan sahaja dituntut oleh bidang kerja kita, tetapi menjadi tuntutan agama sehingga kita menghembuskan nafas yang terakhir.</p> <p>MKRA Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tentulah berkait secara langsung dengan kita. Sejak tahun lalu kita telah menubuhkan Institutional Project Management Office (iPMO) yang menyelaraskan 14 <i>Critical Agenda Projects</i> (CAPs) dan digerakkan oleh 14 orang pemilik</p>	<p>The Prime Minister has announced four key agenda of government transformation.</p> <p>UniMAP can help the government to achieve the NKRA by contributing towards the decrease of crime rate and bribery.</p> <p>With regards to comments from certified auditors, it</p>

<p>CAPs. Di sini izini saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pemilik CAPs dan jawatankuasa mereka yang bertungkus-lumus menyediakan dokumen yang diminta Project Management Office (PMO), KPT. Dalam eksersais Semakan Keserakanan PMO dan Audit Prestasi Akademik di bawah payung <i>Code of Practice for Institutional Audit</i> (COPIA) pada akhir tahun lalu dan akhir Januari yang lalu didapati bahawa, berdasarkan komen-komen yang diberikan oleh para auditor, UniMAP berada pada landasan yang betul; telah melaksana apa yang sepatutnya dilaksananya; dan berpencapaian, dalam aspek-aspek tertentu, agak memberansangkan, malah dalam aspek-aspek tertentu memeranjatkan dan mengagumkan para auditor. Namun, kita tidak boleh cepat berasa selesa dengan komen-komen muluk daripada para auditor atau komen positif yang diucapkan oleh Y.B. Menteri KPT dalam beberapa acara, khususnya semasa Y.B.M. membuat lawatan rasmi ke Universiti kita dalam bulan Ramadhan yang tahun lalu. Banyak lagi yang belum kita buat, banyak lagi yang perlu diperbetul, dan banyak lagi yang perlu ditambahbaik untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian kita secara peribadi dan UniMAP sebagai organisasi yang kita bina bersama.</p>	<p>was found that UniMAP is on the right track and are doing the right thing.</p>
--	---

Sementelah kita menyentuh perihal pandangan Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, dalam Perutusan Tahun Baru-nya yang lalu, beliau menyentuh beberapa banyak perkara (dalam bentuk nasihat, gesaan, peringatan, dan cadangan). Antaranya ialah aspek persekitaran dan cabaran semasa KPT dan IPT termasuk isu gagasan model ekonomi baru dan isu perkongsian sumber serta gesaan supaya kita mengelakkan kesilapan, konflik dan pembaziran; aspek-aspek yang diberi penekanan oleh KPT dalam tahun 2010, termasuk isu-isu pembudayaan kualiti termasuk kepentingan penandaarasan (*benchmarking*) dan analisis jurang (*gap analysis*), pembentukan ekosistem inovasi dan penjana pendapatan sebanyak 30 peratus daripada belanjawan tahunan oleh semua IPTA; dan aspek-aspek yang berkaitan dengan kaedah memperkasakan IPT, misalnya meningkatkan kualiti tenaga akademik, menarik bakat dari luar, mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi yang ditandai oleh urus tadbir yang demokratik, kerja berpasukan dan kepemimpinan yang bervisi dan hala tuju yang jelas.

Selain itu, saya berasa amat tertarik dengan pandangan beliau yang akan berusaha untuk meningkatkan amalan *collegiality* yang diterjemah beliau sebagai keserakanan. Saya mencari makna konsep ini, lalu saya *googling* lantas bertemu dengan penjelasan yang berikut:

[Collegiality means] "The manner in which educators interact with one another, and the extent to which they approach their work as professionals (Marzano, 2003). Collegiality is demonstrated by educators who are supportive of one another. They openly enjoy professional interactions, are respectful and courteous of each other's needs (Christine Vllani, 1996). Collegiality is characterized by authentic interactions that are professional in nature. These interactions include, but are not limited to, openly sharing failure and mistakes, demonstrating respect for each other, and constructively analyzing and criticizing practices and procedures (Fullan and Hargrove, 1996). School norms promote collegiality if educators demonstrate a high frequency of various interactions including talking about teaching, developing and sharing teaching materials, observing one another,

Collegiality

- Translated as comradeship
- Definition (taken from <http://esb.ode.state.oh.us/>) :
 - *The manner in which educators interact with one another*
 - *Collegiality is demonstrated by educators who are supportive of one another*
 - *Collegiality is characterized by authentic interactions that are professional in nature*
- Hopes the effort by the Minister of Higher Education receives support
- Make it a habit in comradeship wherever we are
- Leader or follower, focus must be on competition and motivation to win
- It is the obligation for the nation to support the goals of Wawasan 2020 and 1Malaysia concept: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan

<p><i>teaching one another techniques, and giving assistance.”</i> (http://esb.ode.state.oh.us/)</p> <p>Saya tertarik dengan istilah ini dan saya amat berharap usaha murni Y.B. Menteri KPT ini mendapat sokongan hangat oleh minda kita semua dan menjadikannya amalan dalam hubungan keserakanan kita walau di mana jua kita berada. Bayangkan jika kita sedang berada dalam pertandingan berdayung perahu panjang secara berpasukan. Dalam konteks ini, setiap dayungan kita mesti sama pantas, sama pantas dengan rentak suara pemberi semangat yang berada di hadapan sekali. Tiada seorang pun yang boleh mencuri tulang jika mahu terus bertanding. Setiap denyut fikiran, setiap degup jantung, setiap rentak semangat, sama ada sebagai pemimpin atau pengikut, hendaklah ditumpukan pada persaingan dan motivasi untuk memenangi pertandingan. Inilah suntikan semangat yang diperlukan apabila kita berhadapan dengan perubahan. Inilah caranya jika kita hendak menyangga agenda perubahan. Inilah tuntutan bangsa dan negara jika kita mahu menyangga usaha mencapai Wawasan 2020 dan konsep 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.</p>	
<p>Saya memilih kata ‘menyangga’ dalam ucaptama kali ini, bukannya kata mendokong atau menyokong yang lazim dipadankan dengan kata <i>support</i> dalam bahasa Inggeris. Dalam bahasa Melayu, padanan terhampir bagi kata <i>support</i> ialah topangan, sokongan, bantuan atau menampung. Kata sangga, antara lain, bermaksud benda yang digunakan untuk menopang (menahan dll.) dari bawah. Secara superfisial, didapati bahawa makna sokongan dan sanggaan adalah sinonim. Tetapi, jika diperhalus dengan telitinya, kedua-dua kata ini didapati mewakili makna yang berbeda dalam konteks tertentu. Kata ‘menyokong’ jika dikaitkan dengan konteks kepemimpinan, atau kepengikutan, atau dalam bidang politik, mengandung makna yang ada kaitan dengan ‘persetujuan’ atau ‘pemihakan’ yang diberikan atau ditunjukkan oleh penyokong seseorang, sesuatu kumpulan atau parti. Kata menyokong, mengikut konteksnya bukanlah suatu kata yang bersifat neutral. Terdapat elemen makna memihak di dalamnya seperti orang yang menyokong sesuatu pihak dan dalam masa yang sama mungkin menentang sesuatu pihak yang lain yang menjadikan sikap atau tingkah laku orang itu menjadi tidak neutral. Hal ini tidak demikian bagi konsep sangga (<i>support</i>) kerana seseorang yang bersikap menyangga (<i>supportive</i>) boleh, sama ada bersetuju atau</p>	<p>Supportive/Buttress:</p> <ul style="list-style-type: none"> • In Malay, the closest match for support is topangan, <i>sokongan, bantuan or menampung.</i> • Supportive means to support something from below. • When refined, both words carry different meaning in different contexts. • ‘Support’ carries the meaning related to agreement and choosing sides as demonstrated by followers. • ‘Supportive’ is different in the sense that someone can agree or disagree, or support or not support, a certain person or group. • A supportive person is someone who defends the goodness, truth, and absolute justice based on knowledge.

<p>memihak, atau boleh juga tidak bersetuju atau tidak memihak kepada sesiapa.</p> <p>Yang penting dalam konsep menyangga ialah elemen yang dipersetujui atau tidak dipersetujui itu. Orang yang bersikap menyangga ialah insan yang selamanya mempertahankan sesuatu yang baik, benar dan adil yang matlamat akhirnya ialah kebaikan, kebenaran dan keadilan hakiki berteraskan ilmu. Orang yang bersikap menyangga ialah insan yang setelah memperdebatkan pandangannya dan pandangan orang lain secara adil dan terbuka berasaskan ilmu akan mempertahankan apa jua keputusan yang dibuat bersama oleh kumpulan atau pasukannya sehingga tercapai matlamat bersama. Orang yang menyangga ialah insan yang akan mempertaruhkan jiwa dan raganya untuk melaksana keputusan bersama secara bersungguh-sungguh dan konsisten hingga akhir hayatnya. Biar terancam kehidupannya, tetapi demi kebaikan dan kebenaran, penyangga akan tetap mempertahankan keputusan yang dipersetujui bersama. Orang yang menjadi penyangga ialah insan yang tidak mementingkan diri, tetapi mengutamakan matlamat kewujudannya di tempat yang menampung keberadaannya. Sangga tidak bersifat dan bersikap 'sokong membawa rebah'.</p> <p>Jadi, jika saudara-saudara menyangga agenda perubahan yang diketengahkan, demi kebaikan dan kebenaran, marilah bersama-sama saya mendayungi perahu panjang yang bernama UniMAP ini. Jika tidak, terpaksa saudara-saudara mencari perahu lain yang boleh saudara-saudara dayungi mengikut keputusan, cara dan gaya saudara-saudara sendiri. Berdayunglah! Jika itik faham akan cara gaya bergerak dalam kumpulan itiknya, mengapa tidak kita?</p>	<p>A supportive person is selfless, but puts the goals of his existence the supports his being as his focus.</p>
---	--

<p style="text-align: center;">Menyangga Agenda Inovasi</p> <p>Saudara-saudara ilmuan kekasih Allah sekalian.</p> <p>Apa lagi yang perlu kita lakukan untuk menjadikan Malaysia negara yang berprestasi dan berpendapatan tinggi? Mari kita renungi data Indeks Daya Saing Global yang saya ambil dari <i>The Global Competitiveness Report 2009-2010</i>. Indeks Daya Saing Global ini mempunyai dua belas tonggak (<i>pillars</i>) yang terdiri daripada 1) institusi (19 indikator), 2) infrastruktur (8 indikator), 3) kestabilan makroekonomi (5 indikator), 4) kesihatan dan pendidikan rendah (11 indikator), 5) pengajian tinggi dan latihan (8 indikator), 6) kecekapan pasaran barangan (15 indikator), 7)</p>	<p>To support Innovation Agenda</p>
---	-------------------------------------

kecekapan pasaran pekerja (9 indikator), 8) kecanggihan pasaran kewangan (9 indikator), 9) kesediaan aspek teknologi (8 indikator), 10) saiz pasaran (2 indikator), 11) kecanggihan perniagaan (9 indikator), dan 12) inovasi (7 indikator). Jumlah keseluruhan indikatornya ialah 110. Sumber data indeks ini diambil daripada *Executive Opinion Survey* yang berskala 1 (negatif) hingga 7 (positif) yang dilaksana oleh World Economic Forum. Indeks yang terkandung di dalam laporan ini merupakan data purata bagi tahun 2008-2010.

Di mana kedudukan daya saing negara kita mengikut laporan ini? Di sini saya mengambil beberapa contoh tahap daya saing kita mengikut tonggak dan indikator tertentu yang dipilih tanpa kaedah yang sistematik dan prejudis (sila rujuk Jadual 6).

Jadual 6: Skor, *Ranking*, dan Satus Daya Saing Negara Mengikut Tonggak dan Indikator Terpilih dalam Indeks Daya Saing Global

Tonggak dan Indikator	Skor (Purata)	<i>Ranking Dunia</i> **	Status Daya Saing
INDEKS KESELURUHAN	4.87	24	-
Tonggak Institusi			
• Kebebasan mahkamah	4.2	53	●
• Kos perniagaan pada terorisme	5.0	97	●
• Kos perniagaan pada jenayah dan keganasan	4.3	95	●
• Jenayah terancang	5.0	83	●
Tonggak Infrastruktur			
• Kualiti jalan raya	5.5	24	●
• Kualiti infrastruktur jalan keretapi	4.8	19	○
• Kualiti infrastruktur pelabuhan	5.5	19	○
• Kualiti pembekalan elektrik	5.7	39	●
Tonggak Kestabilan Makroekonomi			
• Belanjawan surplus/defisit*	-	110	●
• Inflasi*	-	40	●
• Hutang kerajaan*	-	74	●
Tonggak Kesihatan dan Pendidikan Rendah			
• Kualiti pendidikan rendah*	4.8	31	●
• Enrolmen sekolah rendah*	-	28	●
• Perbelanjaan pendidikan*	5.5	24	●
Tonggak Pengajian tinggi dan Latihan			
• Enrolmen pengajian tertiar*	-	98	●
• Kualiti sistem pendidikan	4.8	23	○
• Kualiti pendidikan matematik dan sains	4.8	34	●
• Takat (<i>extent</i>) latihan staf	4.9	16	○
Tonggak Kecekapan Pasaran Pekerja			
• Gaji dan produktiviti	5.0	9	○

The initiatives and ways of how to make Malaysia a well- developed country.

This Executive Opinion Survey carried out by the World Economic Forum has indicated Malaysia's performance and global competitiveness.

From this 'Global Competitiveness Report', the government's decisions for the country's development are mostly influenced by national and international political elements.

Decision-making was also based on the global competitiveness index.

• Harapan terhadap pengurusan yang profesional	5.3	29	●
• Aliran keluar kepakaran (<i>brain drain</i>)	4.4	31	●
Tonggak Kesediaan Teknologi			
• Kewujudan teknologi terkini	5.6	36	●
• Penyerapan teknologi peringkat firma	5.4	37	●
• Langganan telefon bimbit*	-	51	●
• Pelanggan internet jalur lebar*	4.8	55	●
Tonggak Inovasi			
• Kapasiti inovasi	4.1	25	●
• Kualiti institusi penyelidikan saintifik	4.7	28	●
• Perbelanjaan syarikat untuk R&D	4.3	19	○
• Kolaborasi universiti-industri dalam R&D	4.6	22	○
• Kebolehsediaan saintis dan jurutera	4.7	33	●
• Pemerolehan produk berteknologi termaju	4.6	9	○
• Paten utiliti*	5.6	29	●

Sumber: The Global Competitiveness Report 2008-2010

○ Berkelebihan daya saing

● Tiada kelebihan daya saing

* Data dalam bentuk nombor, dan bukan maklumat kualitatif

** Daripada 134 buah negara

Saya tidak pasti bagaimana saudara-saudara mentafsir data ini menjadi maklumat. Tetapi saya mengaitkannya dengan sebab kerajaan mahu meluaskan akses pendidikan berkualiti, mengurangkan kadar jenayah, memerangi rasuah, meningkatkan taraf hidup rakyat, memperkasakan prasarana luar bandar dan pedalaman, dan menambahbaik pengangkutan awam yang dijadikan NKRA. Selain daripada elemen-elemen politik lokal dan nasional yang mencorakkan bentuk keputusan-keputusan kerajaan, indeks daya saing negara di peringkat global turut dijadikan asas utama pembuatan keputusan oleh kerajaan. Perhatikan status daya saing negara bagi indikator-indikator terpilih yang kebanyakannya tiada kelebihan daya saing mengikut laporan yang dirujuk. Inilah aspek-aspek yang perlu kita tambahbaik dan tangani secara serius. Misalnya, *ranking* negara yang berkaitan dengan terorisme berada di tangga ke-97. Aspek ini memerlukan perhatian yang serius daripada semua pihak. Justeru, pasukan keselamatan dan pertahanan negara perlu diperkasakan.

Aspek pendidikan juga turut perlu dicemerlangkan khususnya kualiti pendidikan rendah (skor 4.8, *ranking* 31), enrolmen pengajian tertiar (*ranking* 98), dan kualiti pendidikan matematik dan sains (skor 4.8, *ranking* 34). Dalam pengamatan saya,

The educational aspect is also to be considered and

<p>kesemua indikator yang digunakan akhirnya akan menyumbang dan menentukan pendapatan perkapita negara (<i>ranking</i> 61) dan surplus atau defisitnya belanjawan negara (<i>ranking</i> 110) atau hutang kerajaan (<i>ranking</i> 74). Selain itu, negara perlu juga mempertingkatkan kesediaan teknologi, dengan kewujudan teknologi terkini yang mendapat skor 5.6 (<i>ranking</i> 36) dan penyerapan teknologi firma dengan skor 5.4 (<i>ranking</i> 37); dan menyemarakkan agenda inovasi kerana kapasiti inovasi kita memperoleh skor yang agak rendah iaitu skor 4.1 (<i>ranking</i> 25). Bagaimanapun, mengikut laporan ini, meskipun <i>ranking</i> negara kita (tangga ke-24) jatuh tiga anak tangga berbanding <i>ranking</i> 2008-2009 (di tangga ke-21), tetapi kita masih mempunyai kelebihan yang jelas (<i>competitive edge</i>) dalam saingan di peringkat dunia jika dapat segera menukarkan pendekatan ekonomi kita kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan ekonomi yang dipacu oleh inovasi. Untuk mencapai hasrat ini, negara perlu meningkatkan kuatiti dan kualiti pengajian tinggi di samping menggalakkan kesediaan teknologi, khususnya daripada segi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Dalam masa yang sama, kita perlu mengurangkan persepsi negatif dunia tentang kaitan negara kita dengan terorisme, jenayah dan keganasan, dan belanjawan yang defisit. Berasa cemburulah dengan Singapura yang berada di tangga ke-3, Hong Kong (di tangga ke-11) dan Taiwan (di tangga ke-12).</p>	<p>needs much attention as it will, in the end contribute to the country's economy.</p> <p>Malaysian's current economy should be based more on knowledge and innovation.</p> <p>To achieve this, the government has to upgrade the quality and quantity of higher learning through the expansion of information technology and communication.</p>
---	---

<p>Y.B. Menteri Pengajian Tinggi turut menyentuh isu ini dalam perutusannya tetapi mengkhusus pada Indeks Keupayaan Inovasi. Menurut Y.B. Menteri, pada tahun 2008, indeks keupayaan inovasi Malaysia berada di kedudukan yang ke-60. Jika dibandingkan dengan negara-negara Asia, kita ketinggalan agak jauh. Jepun berada di tangga ke-11, Korea Selatan (ke-20), Singapura (ke-30) dan Thailand (ke-54). Lantaran itulah Y.A.B. Perdana Menteri mengisytiharkan program Malaysia Inovatif 2010 untuk, antara lain, meningkatkan kesedaran dan memupuk budaya inovasi dalam kalangan rakyat semua peringkat dan mewujudkan ekosistem yang mengupayakan masyarakat ke arah pembudayaan kreatif dan berinovasi, Selain itu, Y.A.B Perdana Menteri juga akan mengumumkan Model Ekonomi Baru dalam bulan Mac akan datang. Dikatakan bahawa model ekonomi baru ini merupakan model ekonomi yang akan terpacu maju dan laju oleh inisiatif-inisiatif kreativiti dan inovasi rakyat secara individu, sektor swasta dan sektor perkhidmatan awam secara menyeluruh.</p> <p>Oleh sebab isu inovasi ini amat penting, maka kita sebagai institusi pengajian tinggi wajar segera tampil ke hadapan untuk menjuarainya. Selain daripada pusat-pusat kecemerlangan penyelidikan swasta dan milik kerajaan yang sewajarnya memainkan peranan utama untuk menyangga agenda inovasi negara, universitilah, yang menjadi gedung ilmu dan penemuan ilmu baru, yang sewajarnya bereaksi pantas untuk meningkatkan tahap keupayaan dan daya saing negara pada masa akan datang. Sebagai reaksi awal, sukacita saya mencadangkan supaya</p>	<p>For Innovation Competency Index, we have been left behind at level 60th.</p> <p>Our Prime Minister will announce the New Economy Model (Model Ekonomi Baru) in March.</p> <p>It is hoped that UniMAP will take positive action in realizing the innovation agenda.</p>
--	---

UniMAP segera mengambil tindakan positif untuk menyangga agenda inovasi negara dengan:

- Menyuburkan perolehan geran swasta, kerajaan atau antarabangsa
- Mempermantap hubungan universiti-industri yang menjurus ke arah inovasi dan pengkomersilan
- Menyuburkan budaya *intra-preneurship* atau intra-usahawan dalam kalangan staf akademik, khususnya generasi muda
- Menjajarkan budaya universiti dengan budaya niaga
- Membudayakan inovasi dalam kalangan penduduk setempat
- Menggalakkan pertandingan-pertandingan inovasi secara dalaman yang melibatkan staf di semua peringkat

Saya sedar bahawa sebahagian daripada saranan saya ini sudah dilaksana, tetapi jika komitmen kita ke arah ini tidak dipermantap dan dilaksana secara konsisten sepanjang masa, maka ada kemungkinan kita akan ketinggalan kelak. Dan yang paling saya takuti ialah ada staf yang berpendapat bahawa urusan inovasi ini hanya perlu ditangani oleh para pensyarah sains dan kejuruteraan. Jika itulah paradigmanya, cuba fahami maksud inovasi dengan fikiran dan hati yang positif. Manual Oslo menyebut bahawa “An **innovation** is the implementation of a new or significantly improved product (good or service), or process, a new marketing method, or a new organizational method in business practices, workplace organisation or external relations.” Ternyata bahawa inovasi tidak semestinya dalam bentuk produk boleh nampak sahaja, tetapi boleh juga dalam bentuk perkhidmatan atau proses atau kaedah asalkan produk, proses atau kaedah itu bersifat **baru** bagi sesebuah organisasi, atau secara signifikannya **ditambahbaik** atau **diambil** daripada organisasi lain. Jadi, menurut Manual Oslo lagi, inovasi boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu inovasi produk, inovasi proses, inovasi pemasaran dan inovasi dalam organisasi.

Definisi ini membuktikan bahawa semua staf kita boleh membuat inovasi asalkan ada kemahuan. Saya mahu menyimpulkan bahawa ilmu dan kemahiran adalah penting untuk membangunkan diri, masyarakat, bangsa, dan negara; tetapi ilmu dan kemahiran jika tidak didahului oleh sikap (atau darjah suka atau tidak suka akan sesuatu) yang positif untuk merealisasikan sesuatu, maka ilmu dan kemahiran yang dimiliki akan terbazir begitu sahaja. Berkata bijak pandai bahawa “*Knowledge can be abundant but barren if there is no use.*” Akhirnya berbalik kita kepada persoalan sikap. Selagi sikap positif tidak disuburkan dengan semaraknya dalam diri kita, maka tunggulah saat ketinggalan, ketewasan dan kehancuran kita. Ingatlah bahawa Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri (Ar-Ra’ad, ayat 11).

*An **innovation** is the implementation of a new or significantly improved product (good or service), or process, a new marketing method, or a new organizational method in business practices, workplace organisation or external relations*

According to Oslo Manual, there are four types of innovation which are product, process, marketing and organization.

The definition proves that our staff can make it happen if they are willing to do so.

Akhir kata, marilah kita merubah sikap kita supaya menjadi lebih positif terhadap apa jua yang baik dan benar yang dapat membawa kesejahteraan dan kemakmuran kepada diri, keluarga, masyarakat, bangsa, negara dan agama. Berubahlah ke arah kebaikan dan kecemerlangan sebelum kita menyangga apa-apa agenda perubahan, khususnya agenda inovasi dalam apa jua jenisnya. Tanpa berubah dan melaksana perubahan kita tidak akan berupaya meluncurkan perahu panjang yang kita dayungi bersama ke arah matlamat yang telah kita tetapkan bersama iaitu berada dalam kelompok 500 universiti terbaik di dunia.

Sebelum kita bersurai, terimalah seuncang pesanan Tenas Effendy, budayawan Melayu yang menulis:

Bekerja malas, memimpin culas
Bersusah malu, berpahit tak mahu

Diberi kuasa, lupa akan bangsa
Diberi petuah, lupa akan maruah
Diberi ingat, umpat-mengumpat
Diberi petunjuk, kutuk-mengutuk
Diberi beban, mencari yang ringan
Diberi tugas, berlaku culas
Diberi tanggungjawab, laku menyelap
Diberi kerja, bermanja-manja
Diberi bekal, sesal-menyosal

Mendapat laba, bertambah loba
Mendapat rezeki, tambah mengiri
Mendapat pangkat, tambah khianat
Mendapat untung, bertambah sombong

Mengejar pangkat, mahu menjilat
Mengejar harta, mahu melata
Mengejar kedudukan, mahu melendan
Mengejar pengaruh, mahu bergaduh
Mengejar dunia, mahu menganiaya

Sesama keluarga, laga-melaga
Sesama kawan, makan memakan
Sesama sahabat, sebat-menyebat
Sesama bangsa, paksa-memaksa

Banyak ilmu, beramal tak mahu
Banyak harta, bersedekah tak suka

Lupa hidup akan mati
Lupa harta akan pergi
Lupa musim akan berganti
Lupa ilmu lupa diri.

Finally, it is my hope that we can change to a better person.

Let us together aim to be one of the best 500 universities in the world.

Poem by Tenas Effendy.

Terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah

ملاسلناو مكيلة متاكرىوالله اةمحررو

Thank you.
Salam.